

# Pakej mandi buih naga

Tawaran khidmat seks RM228 dengan perempuan dipilih pelanggan letak air dan sabun atas tilam

>>Oleh Mohd Firdaus Ibrahim, Muhammad Apendy Issahak dan Muhaamad Hafis Nawawi  
am@hmetro.com.my

**K**UALA LUMPUR: Bukan sekadar menawarkan khidmat seks, sebuah premis pelacuran yang berselindung di sebalik pusat kecantikan dan kesihatan di ibu kota, dikesan menyediakan pakej khas kepada pelanggan yang dikenali sebagai 'mandian buih naga'.

Dengan bayaran RM228, antara tawaran termasuk dalam pakej itu ialah mandi buih, urutan badan ke badan (B2B), urutan sejuk dan panas sebelum memasuki fasa terakhir iaitu melakukan hubungan seks.

Kelainan tawaran yang ditawarkan premis terbabit menjadikan ia sebagai lokasi tumpuan seawal jam 2 petang hingga awal pagi.


Wartawan Harian Metro yang dimaklumkan orang awam mengenai kegiatan



Metro 22/9/12 MS h

FOTO | Zulfadzli Zulkifli

**TUNGGU...dua perempuan menanti pelanggan.**



berkenaan membuat tinjauan di premis terbabit bagi memeriksa kesahihan dakwaan itu.

Berpandukan nama premis dan panduan diberikan, wartawan menjejaskan kaki ke premis yang dikatakan menjadi tumpuan lelaki hidung belang yang gemar mencuba teknik baru melakukan hubungan seks.

Sebaik melangkah di premis itu, seorang lelaki berusia lewat 20-an tampil memperkenalkan diri sebagai 'kapten' dan membawa wartawan ke sebuah bilik.

Belumpun sempat bertanya mengenai tawaran di premis itu, lelaki terbabit memberitahu mereka mempunyai ramai wanita cantik dan beberapa pakej disediakan.

"Kalau you (awak) mau local (tempatan) RM250, Vietnam RM160 dan China RM228.

"Mau saya panggil? You boleh tengok," kata lelaki terbabit tanpa berselindung mengenai kegiatan pelacuran di premis berkenaan.

Ketika wartawan bertanya mengenai pakej naga, lelaki terbabit menerangkan bahawa pakej terbabit termasuk dalam tawaran RM228 dengan pelanggan dipilih pelanggan meletakkan air dan sabun di atas tilam yang menghasilkan buih.

Pelanggan diarah berbaring atas tilam berkenaan sebelum wanita itu meletakkan sabun dan melakukan B2B.

"Lepas selesai you akan di-

mandikan dan dibawa ke satu lagi katil di bilik berkenaan untuk peringkat seterusnya," katanya.

Lelaki terbabit memberitahu, wanita itu menggunakan air panas dan ais sebagai urutan sejuk di kawasan tertentu bagi merangsang keinginan seks pelanggan.


"You try (cuba) dulu sebab semua pelanggan puas hati dengan khidmat ini," katanya mengakui perkhidmatan disediakan perempunan tempatan dengan harga RM250 tidak setanding khidmat mandian buih naga itu.

Selepas memilih perempuan, pelanggan dibawa ke sebuah bilik yang ditetapkan.

Pemerhatian wartawan mendapati bilik berkenaan dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ruang katil dan tandas. Di tandas bilik itu, selain digunakan sebagai tempat mandi, ia turut menyediakan satu tilam seperti pelampung yang digunakan untuk mandian buih naga dan B2B.

Berdasarkan perbualan wartawan dengan perempuan yang bekerja di premis itu yang memperkenalkan diri sebagai Michelle, 25, pakej mandian buih naga dikatakan menjadi kegilaan ramai.

Michelle memberitahu, setiap pelanggan hanya diperuntukkan 45 minit hingga satu jam untuk setiap sesi dan memberitahu dia baru dua bulan bekerja di premis terbabit.



KAMAR MAKSIAT...bilik yang digunakan untuk pakej mandian buih naga di premis terbabit.

## Polis serbu premis tawar khidmat seks

**K**UALA LUMPUR: Hasil maklumat diberikan Harian Metro, sepasukan polis dari Bahagian Kongsi Gelap, Judi dan Maksiat (D7), Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur melakukan risikan dan serbuan di premis yang menawarkan khidmat seks di Bukit Bintang, di sini, semalam.

Operasi jam 8 malam yang diketuai Pegawai Turus D7 IPK

Kuala Lumpur, Deputi Superintendan Azman Mohd dengan kekuatan 10 anggota menahan tiga wanita warga China berusia 21 hingga 38 tahun kerana menyalahgunakan pas lawatan sosial.

"Turut ditahan seorang lelaki tempatan dipercayai penjaga wanita terbabit berusia 30-an," katanya.

Menurutnya, selain empat

yang ditahan dalam serbuan itu, pihaknya memeriksa sembilan wanita tempatan terdiri daripada pelbagai bangsa berusia 21 hingga 38 tahun.

Ketika ditanya mengenai tawaran khidmat seks di premis itu, Azman mengakui perkhidmatan itu ditawarkan dengan harga RM160 hingga RM250.

Katanya, premis itu diserbu

empat kali sejak tahun lalu dan semua yang ditahan dibawa ke Balai Polis Dang Wangi, di sini, untuk siasatan dan tindakan lanjut.

HM e-Paper



Untuk paparan video sila layari [subscription.nstp.com.my](http://subscription.nstp.com.my)